



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9/12/2018

Penjawat awam tidak bersalah jadi mangsa PH

PETALING JAYA 8 Dis. - Perdana Menteri mengakui keputusan kerajaan Pakatan Harapan (PH) membubarkan beberapa agensi selepas menang dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) menyebabkan ramai penjawat awam yang tidak bersalah menjadi mangsa diberhentikan kerja.

Atas sebab itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihaknya bersedia untuk mengkaji semula dengan meneliti sama ada pegawai dan kakitangan kerajaan berkenaan terlibat dalam agenda kepemimpinan negara dahulu.

“Memang ramai jadi mangsa atas tindakan kita, (jadi) kita akan ambil perhatian sebab mereka tak terlibat dalam politik tapi hanya menjadi kakitangan kerajaan.

“Sekarang kita sedang me-

ngumpul data-data mengenai mereka yang kehilangan punca pendapatan sebab tindakan tutup agensi kerajaan yang salah guna dahulu,” katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Presiden PH di Menara Yayasan Selangor di sini hari ini.

Antara agensi kerajaan yang telah dibubarkan ialah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Hal Ehwal Keluarga (JASA), Majlis Profesor Negara (MPN) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP).

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi PH menjelaskan, pihaknya terpaksa mengutip dana untuk parti tersebut dalam majlis malam esok namun bimbang tindakan tersebut akan disalah tafsir sebagai rasuah.

Um - 9/12/2018 m/s: 4